

# DBKL roboh gerai penjaja haram

Struktur dibina tanpa kebenaran, notis dikeluarkan terlebih dahulu kepada pemilik

Oleh Akif Sayyid Mohd Hazardi  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) merobohkan sebuah struktur gerai penjaja tanpa kebenaran di Jalan Pantai Permai, Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kerinchi, dekat sini, kelmarin.

DBKL dalam kenyataannya, berkata tindakan itu dilaksanakan menerusi kerjasama Jabatan Penguatkuasaan, Pejabat Cawa-

ngan Lembah Pantai, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal (JKME), Jabatan Pembangunan Komuniti, Kesejahteraan Bandar DBKL dan agensi sahabat, Tenaga Nasional Berhad (TNB).

## Pindah peralatan premis

“Menerusi siasatan dan pemakluman notis penguatkuasaan yang telah dikeluarkan sebelum ini terhadap pemilik struktur gerai penjaja barangan am. DBKL hari ini (semalam) melaksanakan tindakan roboh dan pindah peralatan premis berkenaan.

“Tindakan penguatkuasaan dijalankan di bawah kesalahan mendirikan struktur di tempat awam menerusi Seksyen 46 (1), Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 dan Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2016,” katanya.



DBKL merobohkan gerai penjaja tanpa kebenaran di Jalan Pantai Permai, Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kerinchi, Kuala Lumpur, kelmarin.